



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9 BILANGAN 6

RABU 18 MACH, 1964.

رابعو 4 ذالقعد 1383

PERCHUMA

D.Y.M.M. Merasmikan NAMA KAPAL "MAKAN ANGIN"

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan nama kapal layar, "Makan Angin" dalam satu majlis yang meriah di-Kuala Belait pada hari Ahad 15 Mach.

Keputusan Pepereksaan Sijil Cambridge Saberang Laut Dan G.C.E.

BANDAR BRUNEI. — Seramai 61 orang penuntut2 di-Brunei telah lulus Pepereksaan Sijil Cambridge Saberang Laut dalam tahun 1963, manakala 18 orang penuntut2 telah lulus Pepereksaan G.C.E. dan 11 orang penuntut telah memperolehi Sijil2 Kelulusan.

Keputusan2 Pepereksaan2 tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:—

MAKTAB S.O.A.S. PEPEREKSaan SIJIL CAMBRIDGE

GRADE I: Albert Khoo.

GRADE II: Awangku Mohamed Omar bin Pengiran Metasan, Chin Vui Kiong, Christine Ross, Danial Hanafiah, Dennis Teo, Foo Kui Yang, Ibrahim Mat Yassin, Ong Git Ching, Mohamed Yassin Salleh.

GRADE III: Abdul Rahman Karim, Aminah binti Idris, Avril Bastians, Olga Bedia, Sabita Janardanan, Stewart Thomas.

G.C.E.: Abdul Majid, Abdul Rahman Razali, Awangku Abdul Razak bin Pengiran Haji Chuchu, Hamzah bin Haji Ja'afar, Hussin bin Ahmad, Ismail bin Ibrahim, Misli binti Awang, Othman bin Awang Damit, Yapp Soot Kiat, Chin Yin Wah.

SIJIL2 KELULUSAN: Abdul bin Wabah, Awangku Mohamed Zain bin Pengiran Haji Lampoh, Bahaiki bin Jamil, Chua Pheng Siong, Han Foo Kuang, Nordin bin Mohamed Yusof, Omar bin

(Lihat Muka Lapan)

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah serta Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail ia-lah di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut.

Kapal "Makan Angin" itu, kepunyaan Miri-Belait Boat Club, telah di-bena di-Negeri Belanda dengan memakan belanja sa-banyak kira2 \$50,000 dan telah di-bawa ka-Negeri Brunei dari sana tidak berapa lama dahulu.

Sa-lepas Baginda merasmikan nama kapal layar tersebut Kadhi Daerah Belait, Yang Dimuliakan Begawan Mudim Haji Adnan pun membacakan do'a selamat.

Kemudian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, dengan di-iringi oleh Putera2 Baginda dan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin telah belayar dalam kapal "Makin Angin" itu di-Sungei Belait sa-lama hampir2 satu jam.

Baginda dan Putera2 Baginda telah kembali ka-Istana Darul Hana pada petang hari tersebut.

MENANDA TANGANI



Peguam, Clerk (Brunei) Oil and Refining Corporation, Awang Frederic B. Loomis (tengah) sedang menanda tangani Perjanjian Melombong Minyak sa-bagai mana yang di-beritakan di-muka ini. Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud (kiri) kelihatan dalam gambar ini sedang menyaksikan upacara tersebut.

PERJANJIAN MELOMBONG TELAGA MINYAK YANG BAHARU DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis menanda tangani Perjanjian Melombong Telaga Minyak di-antara 'Clark (Brunei) Oil and Refining Corporation' dari Milwaukee, Amerika Sharikat dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Brunei telah di-adakan di-Pejabat Setia

Usaha Kerajaan Brunei baharu2 ini.

Perjanjian itu telah di-tanda tangani bagi pihak Kerajaan Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Brunei oleh Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dan Jurutulis, Majlis2 Mashuarat Di-Raja, Kerajaan dan Negeri Brunei, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Peguam, Clerk (Brunei) Oil and Refining Corporation, Awang Frederic B. Loomis telah menanda tangani Perjanjian itu bagi pihak sharikat minyak tersebut.

Menurut perjanjian melombong telaga2 minyak yang baharu itu, sharikat minyak tersebut akan di-benarkan mengorek minyak di-kawasan sa-luas 700 per-segi batu, kebanyakan-nya di-Daerah Tutong dan sa-bilangan kawasan di-Daerah Belait yang Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menyerahkan kuasa2-nya melombong minyak kepada Kerajaan Brunei.

Sharikat minyak yang baharu itu akan menjalankan usaha-nya mengorek minyak di-Negeri Brunei tidak berapa lama lagi.



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan dan Putera2 Baginda kelihatan sedang belayar dalam kapal, "Makan Angin" sa-lepas Baginda merasmikan nama kapal layar itu pada hari Ahad yang lalu.

KEPUTUSAN PEPEREKSAAAN KERANI-KERANI RENDAH

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh enam orang Pegawai2 Kerajaan Brunei yang telah memasuki Peperiksaan Kerani Rendah bagi tahun 1963 telah lulus dalam peperiksaan itu.

Tujuh belas orang dari bilangan tersebut telah lulus dalam Peperiksaan Kerani Grade "A", manakala sembilan orang lagi telah lulus dalam Peperiksaan Kerani Grade "B".

Empat puluh orang akan dikehendaki menduduki Peperiksaan Kerani Grade "A" hanya dalam satu perkara sahaja sa-saorang, dan sebelas orang pula akan dikehendaki menduduki Peperiksaan Kerani Grade "B" dalam satu perkara sahaja sa-saorang.

Pegawai2 yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:

GRADE "A"

Awangku Metassan bin Pengiran Besar (Pejabat Pelajaran), Abu Bakar Kamis (Pejabat Tanah dan Daerah, Temburong), Ya'akub bin Kamis (Pejabat Tanah dan Daerah, Temburong), Mohamed Yusof bin Haji Mastan (Pejabat Kerja Raya), Mohamed Jair bin Haji Samat (Pejabat Kerja Raya).

Pengiran Badarudin bin Pengiran Rabaha (Pejabat Kerja Raya), Ibrahim bin Ahmad (Pejabat Kebajikan Masharakat), Abdullah bin Simpoh (Pejabat Perbekalan Negara), Mohamed Said bin Abu Bakar (Pejabat Pos).

Thani bin Haji Badar (Pejabat Perubatan), Mohamed bin Gemok (Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong), Othman bin Simpoh (Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong), Aji bin Bando (Pejabat Pelajaran).

Metali bin Mantok (Pejabat Kehutanan), Julaihi bin Mohamed Daud (Pejabat Setia Usaha Kerajaan), Nikmah binti Awang Gador (Pejabat Tanah), Mohamed Noor bin Awang Besar (Pejabat Kehakiman).

GRADE "B"

Naemah binte Mohamed Yusof (Pejabat Kewangan), Mohamed Hassan bin Timbang (Pejabat Setia Usaha Kerajaan), Awang Sabtu bin Ampuan Safiudin (Pejabat Setia Usaha Kerajaan).

Chin Nyuk Foon (Pejabat Penjara), Awangku Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu (Pejabat Keinderaan Darat), Zaili bin Mohamed Yusof (Pejabat Adat Istiadat).

M. Khanan (Pejabat Kemajuan), Dayangku Chuchu binti Pengiran Mohamed Daud (Pejabat Setia Usaha Kerajaan), Jusuf bin Abu Bakar (Pejabat Tanah dan Daerah, Temburong).

DI-PEREKSA

SATU PERKARA LAGI

Pegawai2 Grade "A" yang berikut akan dikehendaki menduduki peperiksaan tersebut lagi

hanya dalam perkara yang dinyatakan di-hadapan nama masing2:

GRADE "A"

Abd. Latif Hitam — Atoran Pejabat, Ambali bin Siok — Atoran Pejabat, Moxsin bin Kamis — Atoran Pejabat, Md. Yusof Taha — Ilmu Hisab.

Latip Ajak — Atoran Pejabat, Ismail bin Abd. Kadir — Atoran Pejabat, Ibrahim bin Abd. Karim — Atoran Pejabat, Said bin Md. Salleh — Atoran Pejabat.

P. Ismail P. Ahmad — Pengetahuan 'Am, Ak. Othman bin Pg. Ismail — Ilmu Hisab, Muhammad bin Abd. Rahman — Ilmu Hisab, Yahya Kalong — Ilmu Hisab.

Fatimah binte Ja'afar — Atoran Pejabat, Awang Omar bin Othman — Ilmu Hisab, Othman bin Abd. Hamid — Atoran Pejabat, Abang bin Rani — Atoran Pejabat.

Mumin O.K. Bashah — Atoran Pejabat, Awang Jumat Am. Safiudin — Atoran Pejabat, Md. Noor Md. Yassin — Atoran Pejabat, Othman bin Ahmad — Atoran Pejabat.

Kamis bin Md. Ali — Ilmu Hisab, Mohamad Ja'afar Buntar — Atoran Pejabat, Kassim bin Ibrahim — Atoran Pejabat, Ak. Damit Pg. Chuchu — Karangan.

Abd. Hamid bin Simpoh — Atoran Pejabat, Md. Tanjong Hj. Ismail — Ilmu Hisab, Ak.

Razali Pg. Md. Said — Atoran Pejabat, M. Zainin A. Halim — Atoran Pejabat.

Emran bin Ismail — Atoran Pejabat, Johari Imam Omar Ali — Atoran Pejabat, Md. Husein bin Hassan — Ilmu Hisab, Abd. Rashid Hj. Talip — Atoran Pejabat.

Awg. Mukim Hassan — Ilmu Hisab, Mornee bin Sanai — Atoran Pejabat, Zaini bin Mohammad — Atoran Pejabat, Md. Jali bin Mahadi — Ilmu Hisab.

Ahmad Shah bin Abd. Rahman — Atoran Pejabat, Wan Abd. Rahman Wan Ali — Ilmu Hisab, Anderi bin Tikom — Atoran Pejabat, Sirun bin Sikut — Atoran Pejabat.

Pegawai2 Grade "B" yang dibawah ini akan dikehendaki

menduduki peperiksaan tersebut lagi hanya dalam perkara yang dinyatakan di-hadapan nama masing2:

GRADE "B"

Yahya bin Hj. Tengah — Pengetahuan 'Am, Abang bin Mahari — Pengetahuan 'Am, Abd. Hamid bin Ismail — Atoran Pejabat.

Zainuddin bin Kula — Atoran Pejabat, Md. Salleh bin Timbang — Pengetahuan 'Am, Douglas Cheok Hock Hoi — Ilmu Hisab, Ak. Ibrahim bin Pg. Ahmad — Pengetahuan 'Am, Md. Yusof bin Hj. Ahmad — Typing, Md. Kassim M.P. Mohidden — Ilmu Hisab.

Tang Yee Meng — Terjemahan, Hussain Hidup — Terjemahan.

Jawatan Kuasa Jema'ah Penasihat Haji Negeri Brunei telah mengutip wang sa-banyak \$8,000 dari umat Islam di seluruh Negeri Brunei untuk membeli 10 buah khemah bagi kegunaan jema'ah2 Haji dari Brunei di Arafah sa-bagai menggantikan khemah2 yang lama. Dalam gambar ini kelihatan Pengurus Jawatan Kuasa tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Datu Paduka Kemaludin sedang menyerahkan wang untuk membeli khemah2 tersebut kepada Pengurus, Shari'kat Hong Kong dan Shanghai Bank, Brunei, Awang Sutherland di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei pada 2 Mach, 1964.



Pertukaran Guru2 Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI.—Beberapa orang Guru2 dan Guru2 Besar Sekolah Melayu dalam Negeri Brunei telah bertukar mulai dari 13 Februari, 1964, ia-itu seperti di-bawah ini:

Chegu Abdullah bin P.H.A. Bakar dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong ka-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, sa-bagai Guru Besar.

Chegu Bol-Hassan bin Datu Petinggi dari Sekolah Melayu Tanjong Maya, Ulu Tutong ka-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong sa-bagai Guru Besar.

Chegu Hajibah binti Umar dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong ka-Sekolah Melayu Perempuan Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei sa-bagai Pemangku Guru Besar.

Chegu Marsal bin Haji Hassan dari Sekolah Melayu Kiudang ka-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong sa-bagai Guru Besar.

Chegu Abdul Hamid bin P.H.A. Bakar dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong ka-Sekolah Melayu Tanjong Maya, Tutong sa-bagai Guru Besar.

Chegu Pengiran Besar bin Pengiran Apang dari Sekolah Melayu Kasat, ka-Sekolah Melayu Kiudang sa-bagai Guru Besar.

Chegu Ludin bin Hashim dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong ka-Sekolah Melayu Sungai Kebun sa-bagai Guru Besar.

Chegu Haji Abdul Hamid bin

Ya'akub dari Sekolah Melayu Sungai Kebun ka-Sekolah Melayu Lumapas sa-bagai Guru Besar.

Chegu Marsal bin Baik dari Sekolah Melayu Lumapas ka-Sekolah Melayu Bukit Udal sa-bagai Guru Besar.

Chegu Mohamed Yusuf bin Kajan dari Sekolah Melayu Bukit Sawat ka-Sekolah Melayu Kuala Balai sa-bagai Guru Besar.

Chegu Suhaili bin Abun dari Sekolah Melayu Kuala Balai ka-Sekolah Melayu Bukit Sawat sa-bagai Guru Besar.

Chegu Azahari bin A. Ahmad dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria ka-Sekolah Melayu Ukong sa-bagai Guru Besar.

Chegu Mohamed Noor bin Othman dari Sekolah Melayu Piasau-Piasau ka-Sekolah Melayu Sultan Hashim, Batu Apoi, Temburong sa-bagai Guru Besar.

Chegu Damit bin Tusan dari Sekolah Melayu Sultan Hashim, Batu Apoi, Temburong ka-Sekolah Melayu Piasau-Piasau sa-bagai Guru Besar.

Chegu Hassan bin Sulaiman dari Sekolah Melayu Berbunut ka-Sekolah Melayu Limau Manis sa-bagai Guru Besar.

Chegu Mohamad Ali bin Burut

dari Sekolah Melayu Abdul Rashid, Kampong Menunggol ka-Sekolah Melayu Panchor Murai sa-bagai Guru Besar.

Chegu Arshad bin Mohamed Said dari Sekolah Melayu Sungai Hanching ka-Sekolah Melayu Aino, Temburong sa-bagai Guru Besar.

Chegu Othman bin P. H. Untong dari Sekolah Melayu Sungai Hanching ka-Sekolah Melayu Kasat sa-bagai Guru Besar.

Chegu Menudin bin Jambol dari Sekolah Melayu Pengkalan Batu ka-Sekolah Melayu Sungai Besar sa-bagai Guru Besar.

Chegu Untong bin Abdul Rahman dari Sekolah Melayu Sengkurong ka-Sekolah Melayu Berbunut sa-bagai Guru Besar.

Chegu Ahmad bin Kalong dari Sekolah Melayu Puni, Temburong ka-Sekolah Melayu Abdul Rashid, Kampong Menunggol sa-bagai Guru Besar.

Chegu Awangku Tengah bin Pengiran Besar dari Sekolah Melayu Kiudang ka-Sekolah Melayu Benutan sa-bagai Guru Besar.

Chegu Rosman bin Burut dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong ka-Sekolah Melayu Kiudang sa-bagai Guru Besar.

Chegu Abdul Rahman bin Abdul Hamid dari Sekolah Melayu Sungai Liang ka-Sekolah Melayu Belingor sa-bagai Guru Besar.

Chegu Abu bin Mohamed Yasin dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong ka-Sekolah Melayu Rantau sa-bagai Guru Besar.

"BRUNEI MUNGKIN MENANG SOKAN BORNEO

SA-KIRA-NYA..." Kata Bill Miller

BERAKAS. — Negeri Brunei mempunyai harapan yang baik memenangi gelaran kejohanan Sokan Borneo yang akan di-adakan di-Negeri Brunei pada pertengahan tahun ini, sa-kira-nya ahli2 sokan tempatan berlatih dengan bersungguh2 mulai dari sekarang. Demikian kata Juru'atoh Sokan dari Amerika Sharikat, Bill Miller.

SEKOLAH BAHARU

KAMPONG PUTAT. — Satu upacara penyerahan Sekolah Melayu Kampung Putat kepada Jabatan Pelajaran Brunei telah di-adakan pada hari Ahad, 15 Mach.

Bangunan sekolah tersebut telah di-bena dengan sa-chara bergotong royong oleh penduduk2 di-Kampung Putat dan telah diserahkan oleh Ketua Kampung Putat, Awang Abdul Karim bin Othman kepada Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II, Awang Yusof Tahir.

Pemangku Guru Besar S. M. R. I. F.

BANDAR BRUNEI. — Chegu Hajibah binti Umar telah dilantik baharu2 ini menjadi Pemangku Guru Besar, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei sa-bagai menggantikan Almarhumah Chegu Zaitunah binti Abdul Khan yang telah kembali ka-Rahamatullah Ta'ala tidak berapa lama dahulu.

Chegu Hajibah telah menuntut pelajaran di-Sekolah Melayu Bukit Bendira, kini bernama Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dan telah mulai mengajar di-Sekolah Melayu Tanjong Maya, Tutong sa-bagai Guru Pelatoh pada bulan Mach tahun 1949.

Pada pertengahan tahun tersebut Kerajaan Brunei telah menghantarkan beliau belajar di-Maktab Perguruan Perempuan Melayu di-Negeri Melaka.

Chegu Hajibah telah balek ka-Negeri Brunei dalam tahun 1952 setelah lulus dari Maktab Perguruan tersebut.

Kemudian beliau telah mengajar di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei sa-lama enam tahun.

Sa-lepas itu beliau mengajar di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria hingga ka-pertengahan tahun 1963.

Samenjak pertengahan tahun lalu hingga-lah ka-masa Chegu Hajibah di-lantik menjadi Pemangku Guru Besar, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, beliau telah mengajar di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Beliau telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama dua minggu baharu2 ini dalam bidang kunjungan-nya ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah untuk melatoh pelatoh2 dan ahli2 sokan.

Sa-masa lawatan-nya ka-Negeri Brunei, Jurulath Sokan tersebut telah mengadakan kursus latehan-nya di-Maktab Anthony Abell, Seria mulai dari 27 Februari hingga ka-4 Mach dan mulai dari 5 Mach hingga ka-11 Mach beliau telah mengadakan kursus latehan-nya di-Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Berakas.

Ramai peminat2 sokan lelaki dan perempuan dari berbagai2 bangsa telah menghadiri kursus tersebut di-Seria dan juga di-Berakas.

Sementara itu, Persatuan So-

kan Negeri Brunei telah mera'ikan Jurulath Sokan Bill Miller di-satu majlis jamuan bertempat di-rumah Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada malam penghabisan Bill Miller tinggal di-Brunei.

Dalam majlis itu, Persatuan Sokan Negeri Brunei telah meng-hadiahkan sa-buah chenderamata berupa meriam tembaga ka-pada Jurulath Sokan tersebut.

Awang Abdi Manaf telah melafadzkan ucapan di-majlis tersebut bagi pehak Persatuan Sokan Negeri Brunei.

Dalam ucapan-nya beliau menguchapkan ribuan terima kasih ka-pada Bill Miller atas kesudian-nya datang ka-Brunei untuk melatoh ahli2 sokan tempatan.

Jurulath Sokan Bill Miller pula telah menguchapkan berbak2 terima kasih ka-pada Persatuan Sokan Negeri Brunei yang telah mera'ikan-nya di-majlis itu, sambil berharap samoga ahli2 sokan tempatan akan maju dan terus maju di-lapangan sokan, sa-kira-nya mereka berlatoh dengan tekun dan bersungguh2 pada sa-tiap masa.



"Miss Brunei Tahun 1963" Chegu Dayang Siti kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan chenderamata yang di-hadiahkan oleh Persatuan Sokan Negeri Brunei ka-pada Jurulath sokan Bill Miller pada malam 11 Mach.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18 Mach hingga ka-hari Selasa 31 Mach, 1964 ada-lah saperti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
18	4.56	5.11	12.35	3.52	6.36	7.48
19	4.56	5.11	12.35	3.52	6.36	7.48
20	4.55	5.10	12.34	3.51	6.36	7.48
21	4.55	5.10	12.34	3.51	6.36	7.48
22	4.55	5.10	12.34	3.51	6.35	7.47
23	4.54	5.09	12.33	3.50	6.35	7.47
24	4.54	5.09	12.33	3.50	6.35	7.47
25	4.54	5.09	12.33	3.49	6.35	7.47
26	4.54	5.09	12.33	3.49	6.35	7.47
27	4.53	5.08	12.32	3.48	6.35	7.47
28	4.53	5.08	12.32	3.48	6.35	7.47
29	4.53	5.08	12.32	3.48	6.34	7.46
30	4.53	5.08	12.31	3.47	6.34	7.46
31	4.53	5.08	12.31	3.47	6.34	7.46

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

BERCHUTI



Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah berangkat ka-Malaya baharu2 ini untuk berchuti rehat. Beliau telah di-iringi oleh isteri beliau Datin Zubaidah.

Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud kini memegang jawatan sa-bagai Pemangku Menteri Besar Brunei pada masa Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berchuti.

Pegawai2 Baharu Persatuan Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pengakap Daerah Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong Ulang Tahun-nya bertempat di-rumah Pesuroh Jaya Pengakap Sa-Negeri Brunei, Awang P.A. Coates baharu2 ini.

Pegawai2 baharu Persatuan Pengakap Daerah Brunei yang telah di-lantik dalam mashuarat tersebut ia-lah saperti berikut :

Yang Dipertua — Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud (di-lantek samula).

Pengurus — Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (di-lantek samula). Naib Pengurus — Awang N. Bradbury (di-lantek sa-mula).

Setia Usaha Kehormat — Awang V.A. George (di-lantek sa-mula).

Penyimpan Wang Kehormat — Awang Chua Kong Heng (di-lantek sa-mula).

Ahli2 Jawatan Kuasa — Awang Ong Kim Kee, Awang Hashim bin Haji Tahir, Awang Salleh bin Haji Masri, Awang Abdi Manaf bin P.H.A. Bakar, Doktor F.L. Mayor dan Doktor A.K. Sundram.

Pegawai2 Pengakap : Awang Charlie Keasberry, Awang Yahya bin Mohamed Yusof, Awang Mazlan Abdullah dan Tuan Syed Ahmad Fadzullah.

Ahli2 atas nama jawatan : Pesuroh Jaya Pengakap Sa-Negeri Brunei, Awang P.A. Coates; Pesuroh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Ali Khan bin Abdul Khan dan Penolong Pesuroh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Shahbudin Saleh.

Kebudayaan Sa-pintas Lalu IV ASAL USUL KITA

DENGAN KEBUDAYAAN TERSENDIRI (SAMBONGAN)

OLEH ZUL-KIFLIE ABDULLAH

DARI segi kebudayaan dalam lapangan seperti anyam-menganyam, tukang-menukung dan sulam-menyulam maka nyata-lah kita telah warisi dari Minangkabau.

Bagitu juga dalam 'adat istiadat atau 'adat resam yang telah dan maseh kita amalkan hingga sekarang ini, dapat kita jalani sa-mula asal dan di-mana ia-nya mula berkembang dan kemudian melebar.

Di-samping itu pula, tidak-lah kita bermaksud bahawa kebudayaan kita sa-mata2 berasal atau di-warisi dari Minangkabau. Apabila di-halusi dengan teliti sa-chara lebeh luas maka akan terdapat-lah juga unsur2 kebudayaan kita itu dari bangsa2 lain yang telah bertemadan lebeh awal dari bangsa kita sendiri.

Mithal-nya dari Bangsa Hindu kita telah warisi 'adat istiadat dalam waktu kematian, dan dari Bangsa Arab pula kita telah warisi 'adat istiadat dalam perkara yang berhabit dengan keugamaan.

Bagitu juga dari Bangsa China kita telah warisi kebudayaan dalam jurusan2 menghiasi badan seperti membentok rambut dengan menganyam2-kan hujung rambut ia-itu dengan memakai tauchang (kata kita) dan men-chachah ya'ni mengukir kulit tuboh badan ia-itu apa yang kita gelarkan di-sini "berkironng". Ini terdapat di-kalangan puak2 Dayak atau Iban, Murut, Kenyah, dan Kayan.

BERPUSPA

Berchachah atau berkironng ini ada-lah di-kerjakan dengan sa-chara sempurna dan lebeh halus perbuatan-nya. Gambar2 atau ukiran kironng itu pula ada-lah mengandongi erti dan kadang2 ada pula mengandongi sejarah atau huraian yang lanjut bagi diri sa-saorang yang memakai kironng itu.

Kironng kebanyakan-nya di-ukir dengan da'awat atau chat yang berwarna biru tua dan ada juga di-buboh warna2 merah bagi menambahkan lagi elok-nya ukiran itu. Tetapi bagi kita orang Islam berkironng ada-lah ditengah.

Sa-lain dari itu antara banyak bidang2 kebudayaan kita di-sini termasuk-lah istiadat Raja meng-anugerahi gelaran kepada orang Besar2 negara dan ketua2 atau penghulu2 kampung, susunan atau bentok pakaian beradat, permainan, tari2an, bunyi2an, kesusasteraan lama Brunei ia-itu seperti sha'ir menya'ir, lagu2 asli kita Brunei, dan perkakas2 bunyi2an yang kita gunakan di-Brunei ini.

Demikian juga adat istiadat perkahwinan — peratoran2 dan istiadat sa-belum berkahwin dan sa-lepas berkahwin, kemudian samasa melahirkan anak yang su-long; istiadat kematian; dan lagi berbagai2 istiadat yang menurut keperchayaan maseh lagi meluas dan di-amalkan oleh orang2 kita hingga sekarang ini seperti membayar niat, berkaul atau bernasar dan lain2 lagi itu.

BERKIRONG

'Adat istiadat ini pula ada-lah terbahagi kepada beberapa bahagian atau kaum mithal-nya bagi raja2 ada dengan peratoran-nya yang tersendiri dan terasing, dan bagitu juga antara penduduk2 — dari satu puak ka-puak yang lain tidak-lah sama pada keseluruhannya.

Dari sa-buah kampung ka-sa-buah kampung yang lain, umpa-ma-nya 'adat kahwin ada-lah dengan perbezaan-nya.

Dari sini-lah kita dapat melihat ada sa-tengah2-nya 'adat istiadat yang di-amalkan telah me-

◆ Dari mana-kah asal usul kebudayaan yang kita katakan kebudayaan Brunei; dan ada-kah kebudayaan asli kita itu telah menerima pengaruh asing sama ada dari luar mau pun dalam negeri? Untuk memecahkan soalan ini, mari-lah bersama2 mengikuti apa kata penulis ruangan ini tatkala mengkaji asal usul orang2 kita Melayu dengan kebudayaan-nya.



Atas: Salah satu CHIRI yang di-bachakan dalam istiadat bergelar bagi raja2.

Bawah: Istiadat menyembah. Orang2 yang di-gelar (ia-itu bagi orang2 yang belum menerima sa-barang gelaran) hanya boleh menyembah sa-sudah menerima gelaran baharu. Dalam gambar ini salah sa-orang pehin kelihatan sedang menyembah sa-belum melakukan istiadat berziarah kepada Kebawah Duli Sultan, ia-itu sa-lepas sahaja Chiri di-bachakan.



nerima perubahan dan unsur2 kebudayaan asing, sama ada yang baharu atau pun yang lama.

Bagi raja2 besar pula kita ada mempunyai 'adat istiadat berpupsa ia-itu bagi menabalkan ganti Sultan, Sultan menggelar atau melantek wazir2 dan cheteria2 baginda dan sekarang ini istiadat melantek Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan yang di-langsungkan di-Istana.

Demikian juga bagi pegawai2

Mesjid dan pehin2 (atau menteri2 laut) dan menteri2 darat ada dengan 'adat istiadat-nya masing2 sa-waktu menganugerahkan gelaran itu kepada orang2 yang telah di-pilih oleh Sultan.

Kechuali menggelar menteri2 darat, istiadat menggelar kepada raja2, pembesar2 dan pegawai2 itu ada-lah memakai "chiri".

Chiri ia-lah surat tauliah yang di-bachakan sa-masa melangsungkan istiadat bergelar dan di-buat

dalam tiga bahasa yang mengandongi susunan erti yang berlainan. Bahasa2 tersebut ia-lah bahasa2 Sanskrit, Arab dan Melayu.

Dan chiri itu pula ada-lah terbahagi kepada lima peringkat ia-itu menurut taraf kedudukan gelaran orang yang hendak di-gelar atau di-kurniakan tauliah itu.

- ◆ Chiri untuk perpuspaan atau pertabalan (Sultan),
- ◆ Chiri untuk wazir,
- ◆ Chiri untuk cheteria,
- ◆ Chiri untuk Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, dan
- ◆ Chiri untuk menteri2 (pehin2).

BERSAMBONG.

Penuntut2 Berhariraya Di-London

LONDON. — Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengadakan sambutan Hari Raya 'Adil Fitri pada tahun ini dalam satu jamuan makan di-Royal Commonwealth Society sini pada 22 Februari lepas.

Sambutan agak meriah yang juga mengandongi berbagai2 persembahan Kebudayaan Melayu Brunei itu telah di-anjarkan oleh Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Antara jemputan2 khas dalam temasha itu termasuk-lah wakil dari Shell International Awang Rules dan isteri, Dato dan Datin E.E.F. Pretty, Dato Paduka Dr. J. Brand dan wakil2 dari persatuan2 penuntut2 Malaysia dan Sarawak.

KESAH AJONG SI-UNTAK TIMBUL TATKALA SIAPKAN KEDAI2

UNTAK (bin-nya kita tidak ketahui) ia-lah sa-orang ahli perniagaan (pelayaran), tinggal di-Kampung Teleting, Pekan Tutong, kira2 200 tahun yang silam.

Untak dan ibu-nya, Matanah, berasal dari keluarga yang agak sederhana kehidupan-nya di waktu itu. Mereka tinggal di-sabuh pondok kecil yang diperbuat tiang, lantai dan dinding-nya dari kayu dan beratap daun.

Pondok ini tersergam di-tengah2 satu bidang tanah kecil yang dipenohi dengan buah2 dan sayur2-an seperti ubi, keladi, kacang panjang dan timun. Sa-buah reban ayam dan itek ada juga di-dapati tidak berjauhan dengan rumah tempat kediaman Untak dan emak-nya itu.

Pendek-nya jika di-bandingkan dengan kehidupan orang2 yang lain di-kampung itu, boleh-lah dikatakan, agak lumaian juga.

Tiap2 kali musim berhumas atau bersawah Untak tidak juga ketinggalan dari kawan2-nya yang lain. Sa-kadar yang mereka dapat lakukan, dan dengan bantuan sahabat2 dan saudara2 yang berhampiran, sa-tidak2-nya Untak ada juga mempunyai ladang padi sa-banyak dua ekar tiap2 tahun.

Dengan rajin usaha demikian mereka tidak-lah payah mendapatkan ikan mereka pergi memancing atau membubu (melukah) ka-sungai.

Hidup-lah kedua beranak itu dengan aman damai di-kampung itu. Sa-tiap hari jarang2-lah rumah Untak itu tidak di-lawati orang atau sahabat2-nya.

PEMUDA GAGAH

Di-kampung itu Untak ada-lah di-kenal sa-bagai sa-orang pemuda gagah dan mempunyai banyak kawan. Dengan murah hati dan peramah kedua beranak itu, maka sering saja-lah Mak Matanah kelihatan riang dan gembira apabila ramai kawan Untak datang, dan makin gembira-lah mereka melayani-nya.

Dari bantuan dan sokongan kawan2 dan sahabat2 itu-lah Untak sentiasa saja dapat membuat kerja2-nya dengan mudah dan lichen; dan bertambah pula-lah durongan untuk lebeh rajin berusaha berbakti kepada tanah.

Dari hasil kerajinan mereka itu-lah Untak dan emak-nya dapat mengumpulkan sa-banyak sedikit harta, yang mendorong Untak ingin hendak mengembara membawa sa-dikit perniagaan ka-luar negeri.

Mak Matanah tidak keberatan untuk mengizinkan Untak mengembara ka-negeri2 yang lebeh maju, lebeh2 lagi untuk men-

Di-Barat-daya Pekan Tutong kira2 sa-tengah batu jauh-nya ada beberapa kelompok batu duduk-nya antara rumpun2 pokok nipah, di-suatu tebing Sungai Tutong. Kelompok2 batu itu di-panggil orang batu AJONG SI-UNTAK.

Kesah cherita Ajong Si-Untak telah timbul dan menjadi gempar sa-mula tatakala Pekan Tutong di-serang oleh ribut taufan dengan tiba2. Konon-nya benchana alam itu ia-lah di-sebabkan beberapa orang telah mengambil batu dari "ajong" tersebut guna untuk menyiapkan bangunan kedai2 di-Pekan itu (kedai2 lama sa-banyak 10 pintu), kira2 35 tahun yang lalu ia-itu dalam tahun 1929.

Kedai2 tersebut masih ada dan di-gunakan hingga sekarang ini (lihat gambar pemandangan Pekan Tutong).

Kesah cherita Ajong Si-Untak yang kita riwayatkan dalam keluaran Pelita Brunei kali ini ia-lah hasil dari selidikan dan pertemuan kita dengan beberapa orang penduduk2 di-sana, menurut cherita dari mulut ka-mulut orang tua2.

ZUL-KIFLIE ABDULLAH.

Pemandangan Pekan Tutong



jalankan perniagaan menchari keuntongan.

Buat langkah pertama Untak mulai berniaga salang ka-tempat2 di-pesisir Pulau Borneo. Akhir2-nya hingga pula ka-negeri2 di-Semananjung Tanah Melayu.

Sa-tiap kali Untak balek dari pelayaran ada saja bawahan tangan untuk ibu-nya dan adek-nya sa-pupu, Jamilah, yang tinggal menemani Mak Matanah sejak Untak mula berlayar2an.

Waktu itu Untak telah berumur dalam 25 tahun, manakala ibu-nya kira2 dalam 50 tahun. Tetapi ibu-nya kelihatan tua untuk umur itu dan ini boleh jadi di-sebabkan kerisauan dan rindu akan Untak yang sa-makin ashek dengan pelayaran dan jarang2 berada di-samping-nya itu.

Pada suatu hari Untak telah mendapat ilham baharu ia-itu untuk membena sendiri sa-buah kapal.

ANAK2 KAPAL

Ini, kata-nya, dia tidak-lah lagi payah menompang di-kapal orang dan sa-balek-nya ia sendiri akan mempunyai anak2 kapal-nya sendiri yang terdiri dari kawan2 dan sahabat2-nya yang rapat kepada-nya.

Sa-telah siap kapal itu di-bena, Untak dan kawan2-nya pun ber-


chadang untuk memulakan pelayaran dengan membawa berpikul2 salang dan berbagai2 pertukangan kebudayaan Brunei untuk di-jual ka-mana2 saja yang mereka maksuti.

Untak sekarang sudah berdiri atas kaki-nya sendiri dan boleh melayarkan sa-buah kapal menurut ka-mana saja ia hendaki. Di-hari baik, bulan baik Untak, dengan kira2 30 orang anak2 kapal dan kawan2-nya berlepas dari Tutong. Kapal-nya telah sarat dengan barang2 dagangan — salang, perkakas2 tembaga, perak—hasil pertukangan orang2 Brunei belaka.

Pelayaran Untak meninggalkan emak-nya kali ini ada-lah mengambil masa yang lebeh panjang dari biasa dan bagitu pun tempat2 yang di-datangi-nya lebeh banyak lagi.

Tinggal-lah Mak Matanah sa-orang diri di-pondok-nya yang kecil yang di-warit-nya dari suami-nya, dan beberapa ekor ternakan ayam-itek.

Sa-lama di-tinggalkan anak-nya, Mak Matanah sering sahaja berasa heba dan khuatir kalau2 terjadi sa-suatu yang tidak di-ingini ka-atas anak-nya Untak. Al-ma'alum-lah Untak baharu sahaja merasai melayarkan sa-sa-buah kapal dengan kekuatan



Atas : Peta kasar yang menunjukkan letak Ajong Si-Untak dan kedai2 lama di-Pekah Tutong yang kita riwayatkan di-sini.

Kiri : Gambar pemandangan Pekan Tutong ini di-ambl dari suatu tempat berdekatan dengan Ajong Si-Untak. Bertanda anak panah itu ia-lah juntunan kedai2 lama yang telah di-siapkan pembenaan-nya dari batu2 yang telah di-anbl dari Ajong Si-Untak kira2 35 tahun yang lampau.

maksud hati dan hawa nafsu-nya sendiri.

Sa-tiap hari Mak Matanah terkenangkan anak-nya, kelihatan-lah ayer mata-nya melieleh membasahi pangkuan-nya. Tiap2 hari Juma'at Mak Matanah berkunjung ka-surau menghantar kueh apam untuk sedekah sa-kadar yang ia dapat. Ada juga Mak Matanah bersedekah kepada anak2 yatim di-kampung itu.

Lepas hari bertukar minggu; minggu bertukar bulan; dan lepas sa-buah kapal datang lagi kapal yang lain, namun kapal Untak masih belum sampai kembali. Tertunggu2-lah Mak Matanah dengan do'a restu sa-moga Untak ada dalam selamat dan akan kembali membawa keuntongan yang banyak !

BERKAMBAN

Sa-waktu Mak Matanah sedang memberi makan ayam dan itek-nya di-belakang rumah-nya tiba2 sa-orang gadis yang tinggal tidak jauh dari sana datang mendapatkan Mak Matanah dan memberikan khabar bahawa sa-buah kapal seperti kapal Untak telah menuju ka-Sungai Tutong.

Mak Matanah perchaya penoh bahawa kapal yang di-beritahukan gadis itu tidak lain tidak bukan ia-lah kapal anak-nya.

Mak Matanah tidak lagi tersabar, dan dengan terburu2, dengan pakaian yang ada di-tuboh-nya (berkamban) terus mendapatkan jumpong-nya (perahu lechil) yang sudah tua, lalu berkayoh mendatangi ka-kapal anak-nya.

Dari jauh Mak Matanah berteriak2 dan memanggil2 :

"Anak-ku Awangku Untak (Lihat Muka 7).

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini dalam Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

PEGAWAI PENGAWAL HAJI

(a) Pegawai Pengawal Haji :

(1 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman :

(i) Umor di-antara 18 tahun hingga 40 tahun.

(ii) Mesti berkelulusan Darjah IV Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris atau sabandingan-nya.

(iii) Mempunyai pengetahuan Ugama yang berpatutan.

(iv) Pengalaman bekerja dengan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun.

(v) Boleh menaip secepat 25 perkataan sa-minit.

Tugas2:

(i) Mengawal hal ehwal perjalanan Haji.

(ii) Menyediakan pass-pass Haji, menguruskan perjalanan jemaah Haji Brunei, ka-Brunei.

(iii) Menguruskan segala hal yang berhubung dengan kebajikan perjalanan Haji.

Gaji : Dalam sukatan gaji \$350-370-380x20-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

FARDZU KEPAYAH

(b) Fardzu Kepayah Perempuan :

(1 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman :

(i) Umor di-antara 20 tahun hingga 50 tahun.

(ii) Mesti-lah mengetahui mengenai hal-ehwal Ugama Islam dan Rukun2 Islam.

(iii) Satu peperiksaan sa-chara so'alan mulut akan di-adakan.

(iv) Pemohon2 mesti-lah bersedia di-tempatkan dimana2 daerah di-dalam Negeri Brunei.

Gaji : Dalam sukatan gaji \$183 x 7-211-220 x 10-260-280-290-300 sa-bulan.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu.

Pemohonan2 mesti-lah di-pernohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Penguatua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 11 April.

Minggu Pengakap

BANDAR BRUNEI. — "Minggu Pengakap" pada tahun ini akan di-adakan mulai dari 4 April hingga ka 10 April.

Ketetapan tersebut telah di-persetujui dalam persidangan Majlis Pengakap Negeri Brunei baharu2 ini.

Pemohonan2 daripada ra'ayat D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Brunei atau yang berbak di-daftarkan untuk menjadi ra'ayat Sultan, ada-lah di-jemput bagi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini dalam Jabatan Bandaran, Brunei :—

MERINYU KANAN

BANDARAN

(a) Merinyu Kanan Bandaran : (1 jawatan kosong).

Kelayakan2 dan Pengalaman :

(i) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah IV Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris.

(ii) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang di-nyatakan di-para (i) atas tetapi berpengalaman selama 7 tahun dalam pekerjaan sebagai Merinyu Bandaran akan juga di-timbangan.

Kewajipan2 :

Mengawal merinyu2, pengawas, pengawas2-kecil dan buroh2, melawat, memerhati dan menjaga kawasan bandaran. Juga bertanggung-jawab mengenai kereta2, machine2 dan workshop bandaran termasuk mengeluarkan minyak (petrol) dan lain2-nya.

Gaji :

Dalam sukatan gaji \$570x30-750 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

MERINYU PASAR

(b) Merinyu Pasar : (1 jawatan kosong).

Kelayakan2 dan Pengalaman :

(i) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Form III Sekolah Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.

(ii) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang di-nyatakan di-para (i) atas tetapi berpengalaman selama 3 tahun dalam pekerjaan perbandaran akan juga di-timbangan.

Kewajipan2 :

Bertanggung-jawab atas mengawal seluruh kawasan pasar ter-

masuk-lah mengelola, mengatur dan menjaga buroh dan sebagainya. Juga bertanggung-jawab atas menjaga kebersihan semua pasar2 bandaran.

Gaji :

Dalam sukatan gaji \$211-220 x 10-260-280-290 x 20-370-380 x 20-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

MERINYU BANDARAN

(c) Merinyu Bandaran : (1 jawatan kosong).

Kelayakan2 dan Pengalaman :

(i) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Form III Sekolah Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.

(ii) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang di-nyatakan di-para (i) atas tetapi berpengalaman selama 5 tahun dalam pekerjaan perbandaran akan juga di-timbangan.

Kewajipan2 :

Bertanggung-jawab atas mengawal kebersihan seluruh kawasan bandaran, menjaga satu pasokan buroh yang besar, kenderaan bandaran, dan sebagai-nya.

Gaji :

Dalam sukatan gaji \$211-220 x 10-260-280-290 x 20-370-380 x 20-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

PEMEREKSA BANGUNAN

(d) Pemeriksa Bangunan : (1 jawatan kosong).

Kelayakan2 dan Pengalaman :

(i) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Form III Sekolah Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.

(ii) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang di-nyatakan di-para (i) atas tetapi berpengalaman selama 3 tahun dalam pekerjaan perbandaran atau Jabatan Kerja Raya Bahagian seperti pemeriksa, mengawal dan sebagai-nya akan juga di-timbangan.

Kewajipan2 :

Bertanggung-jawab atas semua urusan mengenai bangunan2 di-

seluruh kawasan bandaran seperti pemeriksa, menyiasat serta memberi laporan dan sebagai-nya.

Gaji :

Dalam sukatan gaji \$211-220 x 10-260-280-290 x 20-370-380 x 20-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

PENGAWAS TINGKAT II

(e) Pengawas Tingkat II : (1 jawatan kosong).

Kelayakan2 dan Pengalaman :

Berkelulusan sa-kurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu dan telah berkhidmat kepada Kerajaan dalam Jabatan Bandaran tidak kurang dari 10 tahun dalam pekerjaan jurusan ini.

Kewajipan2 :

Bertugas kepada Merinyu Kanan Bandaran dan menerima arahan2 dan perintah2-nya.

Gaji :

Dalam sukatan gaji \$290x20-370-380.

Pemohonan2 yang mesti di-diisi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Mach, 1964.

Pemohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2. Ketua Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon itu bersama dengan satu salinan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

PENOLONG KANAN TEKNIKAL DI-JABATAN UKOR

Jabatan Ukur Brunei akan menghantar dua orang calon ka-Maktub Teknikal, Kuala Lumpur untuk menjalani kursus selama empat tahun dalam jurusan ukur.

Hanya ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei boleh menghantar permohonan mereka.

Pemohonan2 itu hendak-lah di-alamatkan kepada Juru Ukur Negara di-Jabatan Ukur, Brunei tidak lewat dari 24 Mach, 1964.

Pemohon2 hendak-lah lulus peperiksaan "Overseas School Certificate" atau Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Peringkat Dua dengan mendapat "credit" dalam Bahasa Melayu atau Inggeris, Ilmu Kira2 dan Ilmu Sains atau yang sa-inimbang dengan-nya.

Tiap2 pemohon hendak-lah berumur di-antara 17 tahun dan 21 tahun pada 21 Julai, 1964. Umor itu boleh-lah di-kendorkan dalam perkara yang luar biasa.

Satelah lulus dalam kursus tersebut, calon2 akan di-lantek sa-bagai Penolong2 Kanan Teknikal di-Jabatan Ukur Brunei dalam tingkatan gaji \$520 — 540x30 — 830 sa-bulan.

Guru Ugama Pelateh

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada murid2 Sekolah Ugama Kerajaan Brunei lelaki dan perempuan untuk memenohi jawatan kosong sebagai Guru Ugama Pelateh di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 :

(a) Pemohon2 hendak-lah lulus Darjah VI Sekolah Ugama Kerajaan Brunei.

(b) Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei.

(c) Berumur di-antara 16 tahun hingga 25 tahun.

Gaji :

Dalam sukatan gaji F.4 — \$160 sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya hendak-lah ta'at dan sanggup mengajar di-mana2 sekolah yang akan di-atorkan oleh Pengelola Pelajaran Ugama Brunei dan sanggup ber-

tukar ka-mana2 sahaja yang di-perentahkan.

Ada-lah di-ma'alomkan ia-itu manakala perkhidmatan genap sa-tahun, peperiksaan akan di-adakan untuk melayakkan diri menjadi Guru Ugama yang Tidak Terlateh.

Sa-kira-nya di-dapati tidak lulus dalam peperiksaan maka perkhidmatan akan di-berhentikan dari jawatan dengan tidak mendapat apa2 sagu hati dari Kerajaan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Penguatua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 31 Mach, 1964.

TINJU: AHMAD TUDIN DAPAT PIALA PERAK SHELL

SERIA. — Ahmad Tudin dari Bandar Brunei telah berjaya memenangi gelaran sa-bagai ahli tinju yang terbaik sa-kali dalam pertandingan tinju yang telah di-langsungkan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 7 Mach, 1964.

Pertandingan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Kelab Belia Seria dan di-bawah naungan Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Dalam pertandingan tinju tersebut, Ahmad Tudin telah mengalahkan Jelinggai dari Seria dengan hitungan mata.

Maka dengan kemenangan-nya itu, Ahmad Tudin telah mendapat Piala Perak yang telah di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Jelinggai pula telah mendapat hadiah piala perak sa-bagai ahli tinju yang terbaik sa-kali di-antara orang2 yang kalah dalam pertandingan tinju tersebut.

Keputusan pertandingan tinju tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian "Gnat weight": Francis Lim (Seria) mengalahkan Sulaiman (Seria).

Bahagian "Mosquito weight":

Ronnie Gummar (Seria) mengalahkan Sahar Al-Johari (Bandar Brunei) — Sahar Al-Johari tidak bertanding. Jaya Osman (Bandar Brunei) mengalahkan Jumi Ismail (Seria).



Gambar ini di-ambil oleh Ketua Jurugambar, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Awang Kamaludin bin P.H.A. Bakar sa-lepas di-adakan pertandingan tinju di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 7 Mach, 1964.

Bahagian "Midge weight": Ramlee (Seria) mengalahkan Omar (Seria).

Bahagian "Feather weight": Abit Ambun (Seria) mengalahkan Richard Sim (Seria). Ahmad Tudin (Bandar Brunei) mengalahkan Jelinggai (Seria).

Bahagian "Bantam weight": Clement Lungga (Seria) menga-

alahkan Mohamed Amin (Bandar Brunei). Abas Mohamed Ali (Seria) mengalahkan Husin Kadir (Seria). Mohamed Jair (Bandar Brunei) mengalahkan Abdullah Zakiah (Seria).

Bahagian "Welter weight": Kamaluddin (Bandar Brunei) mengalahkan Onn Timbang (Seria).

Pertandingan khas: C. Boyd seri dengan saudara-nya T. Boyd. Sa-lain dari itu Arthur Azcona dari Seria telah bertemu dengan Malai Mohamad dari Seria juga dalam satu pertandingan pertunjukan, manakala Awangku Mat Don dari Bandar Brunei telah melawan Douglas Boyd dari Bandar Brunei dalam satu lagi pertandingan pertunjukan.

PERLAWANAN BOLA SEPAK JABATAN2 KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan bola sepak antara pasokan2 Jabatan2 Kerajaan Bahagian "A" telah di-mulai pada petang hari Rabu 11 Mach dan akan tamat pada petang 9 Jun.

Perlawanan bola sepak tersebut, Bahagian "B" pula telah di-mulai pada petang hari Sabtu 14 Mach dan akan tamat pada petang 27 Jun.

Keputusan perlawanan2 tersebut hingga ka-hari Sabtu 14 Mach ada-lah seperti di-bawah ini:

BAHAGIAN "A"

11 Mach: Pasokan Jabatan Pelajaran mengalahkan Pasokan Pentadbiran dengan 6 gol berbalas 3 gol.

12 Mach: Pasokan Polis mengalahkan Pasokan Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan 7 gol tidak berbalas.

BAHAGIAN "B"

14 Mach: Pasokan Jabatan Pelajaran mengalahkan Pasokan Kastam dengan 6 gol berbalas 2 gol.

Perlawanan2 bola sepak tersebut telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei dan di-saksikan oleh beribu2 orang dari berbagai2 bangsa.

KESAH AJONG SI-UNTAK TIMBUL

(Dari Muka 5).

("Awangku" ia-lah panggilan manja di-gunakan oleh sa-orang ibu kepada anak-nya, sa-olah2 seperti nama timang2an). Kau datang Nak. Shukor-lah. Rupanya do'a ibu sa-lama ini di-makbulkan Tuhan . . . !"

Mak Matanah makin dekat kepada kapal Untak. Ramai-lah anak2 kapal berkumpul di-tepi kapal itu, terpegun dan hairan melihat akan keadaan orang tua yang datang mendekati kapal itu serta menyebut2 nama "Untak" dengan keadaan pakaian-nya hannya berkain dan dengan rambut-nya yang terhurai itu.

TELAH BERKAHWIN

Khabar kedatangan orang tua itu sampai kepada anak.

Ayer muka Untak kelihatan berubah apabila mendengar salah sa-orang dari anak kapal itu memberitahukan dan mencheritakan keadaan orang tua itu kepada Untak. Mereka memberitahu bahawa orang tua itu telah menyebut2 pula nama tuan mereka (Untak) seraya mengatakan "anak-ku sayang."

Geram dan berasa marah Untak mendengarkan cerita ini. Istimewa pula waktu itu isterinya Radin Sopatri ada di-samping-nya.

Untak telah berkahwin dengan sa-orang anak raja-raja di-sabua pulau yang di-singgahi-nya di-antara Pulau Borneo dengan Pulau Sumatra kira2 sa-bulan sa-belum ia sampai ka-Brunei.

Untak berada dalam keadaan

serba salah. Dengan permintaan isteri-nya ia-pun mengeluari dan datang mendapatkan perempuan tua itu.

Terlihat saja Untak akan emak-nya dalam keadaan "tua melukoh" dan kutor itu maka makinlah berapi2 marah-nya lalu mengatakannya bahawa ia tidak lagi mempunyai emak dalam dunia ini. "Ibu aku telah meninggal sabelum aku meninggalkan tempat ini dua tahun dahulu!" teriak Untak kepada ibu-nya.

Kemudian Untak telah memerentahkan anak2 kapal-nya supaya menolak dan mengusir orang tua itu.

Mak Matanah tidak lekas terharu oleh keadaan yang di-luar sangkaan-nya, melainkan berkata dengan kata2 yang lembut tetapi rentang.

"Aku ini emak engkau nak . . . yang engkau tinggalkan dahulu," seraya meminta supaya Untak datang ka-pondok-nya untuk menyaksikan bahawa di-sana-lah ia melahirkan Untak . . .

Untak tidak mengindahkan kata2 ibu-nya lalu terus masuk ka-dalam kibin-nya memerentahkan dengan suara yang nyering supaya perempuan tua itu di-tolak dengan bantai dan biarkan ia karam di-pukul gelombang.

Kemudian Untak telah menukar fikiran-nya untuk meninggalkan tempat itu dan belayar samula. Ia perentahkan anak kapal-nya supaya berpusing haluan.

Belum sempat haluan kapal itu beralah, maka dengan kebesaran

dan kuasa Yang Maha Berkuasa, Allah Subhanahu wa-Ta'ala, ribut pun datang di-sertai dengan angin taufan yang kenchang.

Mak Matanah dengan tangannya yang terketar2 berpegang tegoh di-sampian-nya yang telah di-karamkan itu dan dengan lihean ayer mata kelihatan menggiling2kan kapala-nya dan kemudian mendekapkan muka-nya pada sampan-nya.

Belum sempat Mak Matanah mengangkat sa-mula akan muka-nya, kapal Untak sudah pun terbalek karam dan terus menjadi batu dengan semua isi2 kapal itu sa-kali.

CHATITAN :

Kedai Tutong yang ada sekarang ini (bukan kedai2 yang baru) ada-lah di-bena dari batu2 di-ambil dari "Ajong Si-Untak".

Riwayat-nya bagini :

Kedai2 itu (semua-nya sa-banyak 10 pintu) telah tergen (Lihat Muka 8).

JADUAL PERLAWANAN BOLA SEPAK JABATAN2 KERAJAAN

BAHAGIAN "A"		Pengadil	Penjaga Tepi
18 Mach	Radio melawan Perubatan	Awang Hussin	Pelajaran
19 Mach	Kerja Raya melawan Pentadbiran	P. H. M. Puteh	Radio
25 Mach	Pelajaran melawan Jabatan Kerajaan	Sgt. M. Englemen	Kerja Raya
26 Mach	Tutong melawan Jabatan Ugama melawan Perubatan	Frankie Ho	Pulis
BAHAGIAN "B"			
21 Mach	Pertanian melawan Perubatan	Ibrahim Yahya	Ukor
23 Mach	Kerja Raya melawan Pelajaran	Inspektor Abu Zar	Radio
24 Mach	Jabatan Istana melawan Telecopos	A. Zaidi Taha	Perubatan
28 Mach	Pelajaran melawan Ukor	A. P. Karim	Pertanian
30 Mach	Kerja Raya melawan Kastam	A. Sharibini Taha	Pelajaran
31 Mach	Radio melawan Perubatan	Ibrahim Yahya	Pulis

KEPUTUSAN PEPEREKSAAN SIJIL CAMBRIDGE DAN G. C. E.

(Dari Muka 1)

Haji Serudin, Robin Th'ng, Yapp Fook Sang.

MAKTAB ANTHONY ABELL PEPEREKSAAN SIJIL CAMBRIDGE

GRADE I: Anna Foo, Chye Sew Meng, Ng Siong Mung.

GRADE II: Abd. Ghani bin Bujang, Chia Choon Moi, Chow Soot Yee, Goh Kim Jock, Lim Kheng Hai, Matthew Liew, Tan Seng Teck, Tchi Yat Thun.

GRADE III: Abu Bakar bin Md. Hussin, Aw. Damit bin Aw. Othman, Catherine Teo, Sayed Mohammed bin S. Othman.

G.C.E.: Chee Had Ngee, Chong Choo Boo, Chong Kui Moi, Foo Yun Siong, Teo Hoe Siang.

SIJIL KELULUSAN: Jamuddin Sahat.

SEKOLAH ST. MICHAEL'S PEPEREKSAAN SIJIL CAMBRIDGE

GRADE I: Chia Sweet Hock.

GRADE II: Cheng Si Wah, Edmund Cheong, Foo Ah Yat, Kong Thien Soong, Lee Nyuk Ho, Morshidi Bujang, Felix Shim, Wong Thien Song.

GRADE III: Edward Hiew, Ho Wai Hong, Michael Poong, Adrian Simons, Bernard Tobing.

G.C.E.: Chai Min Yuk, Lim Thien Seng, William Ho.

SEKOLAH ST. ANGELA'S

TINJU:

Sabah Melawan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Tinju di-antara ahli2 tinju dari Sabah dengan ahli2 tinju dari Negeri Brunei akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan April.

Pertandingan tinju tersebut di-jadualkan berlangsung pada malam 21 Mach di-Bandar Brunei. Akan tetapi oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka pihak pertandingan tinju itu telah mengubah tarikh pertandingan tinju itu ka-bulan hadapan pula. Demikian menurut keterangan Setia Usaha Persatuan Tinju Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy.

CONVENT

GRADE I: Lucy Bong, Edna Song, Doris Tann, Cecilia Wong.

GRADE II: Cecilia Chin, Nelly Chin, Chong Siew Lin, Chung Sau Ying, Elizabeth Fu, Pamela Maben.

GRADE III: Teresa Chieng, Connie Chu, Josepha Josie Gollingsu.

PENUNTUT2 BERSENDIRIAN — BANDAR BRUNEI

SIJIL KELULUSAN: Kassim bin Adis.

PENUNTUT2 BERSENDIRIAN — SERIA

GRADE II: Cheng Tien Hsin, Jean Ngui.

GRADE III: Han Jong Kwang.

PERADUAN CHERPEN ASTERAWANI

BANDAR BRUNEI. — Empat orang sasterawan2 tempatan telah berjaya memenangi hadiah2 dalam Peraduan ChERPEN anjoran Persatuan Asterawani yang telah di-adakan pada penghujung tahun yang lalu.

Hadiah2 kepada pemenang2 peraduan itu telah di-sampaikan oleh Pengarah, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Jabatan Pelajaran, Negeri Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil yang

juga menjadi Penasihat Asterawani dalam satu majlis di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 13 Mach, 1964.

Keputusan peraduan ChERPEN tersebut ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

Pertama: Awang Abu Na'im bin Mohamed Said, Pejabat Daerah Belait. ChERPEN-nya berjudul, "Bertukar Madu".

Kedua: Awang Ibrahim bin Mohamed, Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer, Brunei. ChERPEN-nya berjudul, "Kerana Aku Bukan Penyaer".

Ketiga: Awang Mahadi bin Matarsad, d/a Kedai Guru2 Melayu, Bandar Brunei. ChERPEN-nya berjudul, "Pengelutan Di-hati Nurhani".

Ke-empat: Awang Abdul Rahman Yusof, Kampong Burong Pingai Laut, Brunei. ChERPEN-nya berjudul, "Harapan-nya Digantungkan".

Peraduan itu telah di-hakimkan oleh Awang Abdul Salam bin Abdul Razak, Awang Ibrahim bin Mohamed Sa'id dan Awang Abdul Wahab bin Mohamed.

BALEK DARI MANILA

BANDAR BRUNEI. — Empat orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei dan tiga orang ahli2 Surohan Jaya Perkhidmatan Awam Brunei yang telah berangkat ka-Manila dengan kapal terbang pada 24 Februari, 1964 untuk bertemu duga dengan pemohon2 yang telah membuat permohonan hendak berkhidmat dengan Kerajaan Brunei telah kembali ka-Brunei pada awal bulan Mach.

Beliau2 itu ia-lah Pegawai2 Pertanian Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Hamidoon bin Awang Damit; Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes; Timbalan Jurutera Negara Brunei, Awang Talib bin Derwish; Pegawai Ukor Negara Brunei, Awang Yusof Lamin; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Awang Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Haji Mohamed Noor dan Awang George Newn Ah Foott—semua-nya Ahli2 Surohan Jaya Perkhidmatan Awam, Negeri Brunei.

Pegawai2 Kanan Kerajaan dan Ahli2 Surohan Jaya Perkhidmatan Awam tersebut telah bertemu duga dengan banyak pemohon2 untuk berkhidmat di-Jabatan Pelajaran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pertanian dan Jabatan Ukor di-Negeri Brunei.

AWANG MENGGANTIKAN INCHE

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Di-Raja, Brunei telah meluluskan chadangan yang di-buat pada 7 Disember, 1963 untuk menggantikan orang ramai menggunakan perkataan "AWANG" pada pangkal nama semua penduduk Brunei sa-bagai menggantikan perkataan "INCHE" yang biasa-nya di-pakai.

Demikian menurut Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei yang di-edarkan kepada Semua Ketua2 Pejabat Kerajaan Brunei baharu2 ini.

PROJEK2 BELIA UNTOK MACH DAN APRIL

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Persatuan Belia Bandar Brunei akan mengadakan lawatan ka-Pekan Bangar, Temburong pada 22 Mach akan datang ini, sa-bagai projek bulanan persatuan itu bagi bulan ini.

Tujuan lawatan itu ia-lah untuk menemui pemuda-pemudi di-daerah tersebut dan melihat keadaan di-kawasan itu.

Ini telah di-tetapkan oleh jawatan kuasa tadbir persatuan itu dalam mashuarat bulanan-nya yang berlangsung pada 8 Mach lepas.

Mashuarat itu juga telah merancang projek bagi bulan April untuk mengadakan pertunjukan tayaran wayang gambar per-chuma bertempat di-Maktab S.O.A.S. pada 21 April.

KESAH AJONG SI-UNTAK

(Dari Muka 7)

dala pembenaan-nya di-sebabkan kekurangan batu.

Sa-telah puas berunding antara tukang2 kontrek dan pekerja2 serta tuan2 punya kedai itu, maka persetujuan telah di-dapat untuk mencari tukang selam bagi mendapatkan batu di-tempat "Ajong (Batu) Si-Untak".

Menurut cerita orang tua2 yang maseh ada hidup sekarang

ini, tatkala penyelam2 batu itu memulakan untuk mengambil batu2 dari tempat itu, maka dengan tiba2 angin pun bertiup dengan kenchang-nya dan diikuti oleh ribut taufan.

Penyelam batu tidak menghiraukan kejadian itu dan meneruskan perkerjaan mereka. Maka dengan batu dari Ajong Si-Untak itu-lah kedai2 itu telah siap di-bena.



Penuntut2 Kelas Ugama Dewasa Seria telah mengadakan satu majlis menyambut Hari Raya Aidil Fitri bertempat di-Dewan Masharakat Seria pada petang 7 Mach. Ramai ahli2 jemputan telah hadir di-majlis itu dan ucapan2 telah di-lafadzkan oleh beberapa orang. Dayangku Rosni binti Pengiran Majid (di-penjurur sa-belah kiri gambar ini) kelihatan sedang berucap bagi pihak penuntut2 kaum ibu, manakala Pengiran Hidup (di-penjurur sa-belah kanan gambar ini) pula melafadzkan ucapan di-majlis tersebut bagi pihak penuntut2 lelaki Kelas Ugama Dewasa Seria.

